

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

PGT 301 - KURIKULUM DAN PENGAJARAN

Masa : [3 jam]

Jawab 3 soalan daripada 5 soalan yang diberikan.

Soalan SATU adalah diwajibkan.

- 1 (a) Bagaimanakah "Kurikulum" dapat dihubungkan dengan "Pengajaran"? Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai dalam konteks pengertian kurikulum yang lebih luas daripada pengertian sebagai sukatan pelajaran sahaja.

(b) Dengan menggunakan model Tyler (1964), bincangkan persoalan-persoalan yang dipertimbangkan dalam mereka bentuk sesebuah kurikulum.

[40 markah]

2. Berikut ialah satu senario tentang kehidupan seorang pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Bestari.

Sehari Dalam Kehidupan Seorang Pelajar Sekolah Menengah

Nama saya Desa. Saya pelajar Tingkatan 4. Pagi tadi, saya datang awal ke sekolah kerana hendak membuat persiapan untuk penilaian kecergasan fizikal pertengahan tahun di gymnasium. Saya dan rakan saya berpasangan untuk menilai daya tahan kardiorespiratori, daya tahan otot, kekuatan otot, kelenturan dan komposisi tubuh badan kami. Kami mendapat keputusan penilaian dalam bentuk helaian cetak komputer sebaik sahaja selepas penilaian itu. Kemudian, kami berbincang dengan guru Pendidikan Jasmani tentang program kecergasan fizikal bagi bulan hadapan. Kami akan menyediakan diet bagi diri sendiri berdasarkan maklumat yang kami perolehi daripada website tentang diet dan pemakanan.

...2/-

Dalam kelas Biologi, rakan sekelas saya memilih berbagai-bagai modul yang berlainan berdasarkan minat masing-masing dan kemajuan mingguan kami dalam Biologi. Kumpulan saya telah belajar tentang penyakit berjangkit apabila kami mengesan wabak virus Ebola di Afrika menggunakan Internet. Minggu lepas, saya belajar tentang kadar nisbah dan perkadarhan, dan menghasilkan simulasi komputer untuk meramalkan senario paling buruk serta senario paling baik akibat wabak yang sama di Malaysia. Hari ini, saya gunakan apa yang telah saya pelajari itu untuk mengesan bagaimana jangkitan HIV dan AIDS merebak di Malaysia dan meramalkan akibatnya. Esok, kami akan berbincang dengan panel pakar daripada Majlis AIDS Asia melalui sidang video kami. Guru sains kami Puan Mohan dan Guru Kemanusiaan kami Cik Lee telah mengatur perbincangan panel itu. Ini bermakna kelas Biologi dan Kemanusiaan kami akan digabungkan. Menurut rakan saya seorang doktor, peguam, guru dan pesakit HIV akan menyertai panel itu. Saya tidak sabar menunggu perbincangan itu. Malam ini, saya akan menyediakan beberapa soalan untuk dikemukakan esok. Mungkin ibu bapa saya yang amat prihatin tentang jangkitan HIV/AIDS akan membantu saya menyediakan beberapa soalan.

Semasa makan tengah hari, rakan saya Kim memberitahu saya dia menggunakan internet untuk mengumpul maklumat tentang kebersihan Selat Melaka. Semalam, dia telah mengkaji modul bagaimana mengenal pasti masalah dan menyelesaiannya dengan menggunakan kaedah penyelesaian masalah matriks. Hari ini dia menggunakan kaedah itu untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pencemaran Selat Melaka. Kim amat gembira kerana dapatannya akan diterbit pada halaman rumah sekolah kita.

Pada pukul 4.00 petang, saya pergi ke sekolah bersama rakan saya Lin untuk belajar bahasa Jerman. Kami pergi ke makmal komputer di mana terdapat kemudahan sidang video bagi pembelajaran jarak jauh. Kami berhubungan dengan guru kami di Jerman. Saya berasa kekok mengucapkan "Guten Morgen" kepada Herr Helmutt sebab di sini sudah petang.

Semasa saya dan Lin berjalan balik selepas kelas, kami mengingat kembali keinginan kami untuk belajar bahasa asing. Dahulu, kami tidak dapat berbuat demikian kerana tiada guru bahasa asing di sekolah kami. Sekarang kami dapat berhubungan dengan guru dari seluruh dunia, dan kami sudahpun mula belajar bahasa Jerman dan Sepanyol. Seperti lagu yang adik saya suka nyanyikan, "dunia ini memanglah kecil", ia memang benar.

- (b) Dari senario di atas, buat sintesis tujuan-tujuan pendidikan yang boleh dicapai melalui konsep Sekolah Bestari.

[15 markah]

...3/-

- (b) Bagaimanakah pada pendapat anda rupa bentuk kurikulum Tingkatan 4 di Sekolah Bestari yang digambarkan daripada aktiviti-aktiviti sehari yang dilaksanakan dan dialami oleh Desa dalam petikan tersebut. Bincangkan jawapan anda dari segi rupa bentuk kurikulum resmi (iaitu jenis mata pelajaran, sukanan pelajaran, jadual waktu dan proses pengajaran pembelajaran yang berlaku) dan kurikulum yang tersembunyi.

[15 markah]

3. Michael W. Apple berpendapat kita tidak boleh menganggap kurikulum sebagai sesuatu ‘benda’ seperti silibus (sukanan pelajaran). Kurikulum perlu dilihat sebagai satu “bahan simbolik” yang merupakan persekitaran (environment) manusia yang sentiasa berubah atau diubahsuai.

Bincangkan pandangan ini dengan merujuk kepada trend-trend kurikulum di negara kita masakini.

[30 markah]

4. Pengajaran adalah apa yang guru lakukan untuk menghasilkan pembelajaran dalam bilik darjah. Salah satu daripada kaedah pengajaran yang boleh dilakukan ialah melalui Pembelajaran Koperatif. Bincangkan soalan-soalan berikut mengenai Pembelajaran Koperatif.

- (a) Apakah prinsip-prinsip yang mendasari kaedah Pembelajaran Koperatif?

[10 markah]

- (b) Bagaimanakah kaedah Pembelajaran Koperatif boleh menyampaikan tujuan pendidikan kepada pelajar?

[10 markah]

- (c) Pilih satu contoh kaedah Pembelajaran Koperatif dan terangkan dengan ringkas bagaimana teknik pembelajaran itu dapat dilaksanakan dalam pengajaran.

[10 markah]

...4/-

5. Pilih DUA perkara yang disenaraikan di bawah. Jelaskan apakah strategi-strategi perubahan kurikulum dan amalan pengajaran perkara-perkara yang dipilih yang sesuai untuk menangani masalah semasa serta aliran-aliran (trend) yang berlaku di Malaysia dan seluruh dunia :

- a. Sekolah Bestari
- b. Pendidikan Seks
- c. Andragogi

[30 markah]

oooooooo